

PENCALONAN ANUGERAH PENGAJARAN 2021

Anugerah Pengajaran bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf staf akademik yang telah mencapai kecemerlangan dalam pengajaran di UTM. Anugerah ini diberikan kepada tiga orang staf akademik yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut kategori berikut:

- 1) KATEGORI KEJURUTERAAN
- 2) KATEGORI SAINS DAN TEKNOLOGI
- 3) KATEGORI SAINS SOSIAL

HADIAH

Penerima anugerah setiap kategori akan menerima wang tunai berjumlah RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ribu Sahaja) berserta trofi dan sijil.

KAEDAH PENCALONAN

1. Setiap pencalonan mesti menggunakan borang yang disediakan dan mengandungi alasan-alasan yang menyokong calon daripada sekurang-kurangnya seorang penyokong.
2. Pencalonan boleh diterima daripada mana-mana yang di bawah:
 - Pelajar tahun/semester akhir
 - Jabatan/Fakulti
 - Staf akademik
 - Staf Pengurusan Profesional & Pelaksana
 - Diri sendiri (dengan sokongan fakulti)
3. Pencalonan diri sendiri hendaklah melalui sokongan fakulti.
4. Pengalaman mengajar hendaklah tidak kurang daripada 8 tahun (Tahun Cuti Belajar dan Cuti Sabatikal tidak diambil kira).
5. Tarikh tutup pencalonan akan ditetapkan oleh UTM CDex

CARA PENCALONAN

Pencalonan boleh dilakukan dengan menggunakan borang yang boleh di dapati di

<https://utmcdex.utm.my/anugerah-pengajaran/>

KRITERIA PEMILIHAN

Anugerah ini diberikan berasaskan kriteria yang menunjukkan penglibatan lestari dalam kualiti pengajaran seperti di bawah. Calon dikehendaki mengemukakan bukti-bukti kecemerlangan dalam kesemua kriteria di bawah. Penilaian bagi Anugerah Pengajaran adalah berdasarkan 7 kriteria berikut:

- ◆ Falsafah pengajaran dan pembelajaran.
- ◆ Strategi keseluruhan tentang kaedah pengajaran, penyeliaan dan penilaian.
- ◆ Kreativiti* dan inovasi** dalam pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran.
- ◆ Kesan inovasi yang digunakan terhadap kualiti pembelajaran
- ◆ Penilaian pengajaran dan testimonial
- ◆ Penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran (kaedah pengajaran/ penyeliaan/penilaian) melalui amalan penyelidikan.
- ◆ Kesarjanaan dalam pengajaran dan pembelajaran dan pembangunan profesional

TARIKH TUTUP PENCALONAN

Tarikh tutup pencalonan adalah pada 2 April 2022. Sila hantar borang yang telah diisi kepada Timbalan Dekan (Akademik) fakulti masing-masing.

MAKLUMAT LANJUT



Layari <https://utmcdex.utm.my/anugerah-pengajaran/>

Telefon: 07-5537854 / 07-5537858
Emel: nuril@utm.my / priscilla@utm.my

atau hubungi: Penolong Pendaftar Kanan
Pusat Pemajuan dalam Pendidikan
Digital dan Fleksibel (UTM CDex)
Bangunan Pusat Siswazah (Blok F54)
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru

